

MAKLUMAT AM

Biro Kredit

Program pendidikan pengguna oleh:



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

- 1 Pengenalan
- 2 Peranan Biro Kredit
Apakah jenis maklumat tentang diri anda yang disimpan oleh Biro Kredit?
Apakah yang dimaksudkan dengan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS)?
- 3 Jenis-jenis laporan kredit
- 4 Perihal kerahsiaan maklumat
Mendapatkan laporan kredit
- 6 Mengesahkan maklumat pada laporan kredit
- 8 Soalan yang sering ditanya
- 13 Pertanyaan
- 14 Glosari
- 15 Lampiran I

Penafian

Dokumen ini diterbitkan untuk maklumat am anda sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau maklumat lengkap mengenai sesuatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai alternatif kepada nasihat guaman.

Tarikh: 21 Januari 2003



Institusi kewangan menjalankan **penyemakan latar belakang** terhadap bakal peminjam sebelum keputusan pemberian pinjaman dibuat

Pengenalan

Apabila anda memohon pinjaman daripada sebuah institusi kewangan, institusi kewangan tersebut akan melaksanakan proses penilaian kredit ke atas anda. Ini mungkin merangkumi semakan latar belakang yang dilakukan di pelbagai sumber. Satu daripada sumber maklumat ini ialah Biro Kredit yang menyimpan maklumat mengenai sejarah kredit anda.

Buku kecil ini menerangkan peranan dan operasi Biro Kredit dan bagaimana anda boleh menggunakannya untuk memperolehi maklumat kredit mengenai diri anda.

Apabila institusi perbankan memberi pinjaman, mereka akan menghadapi risiko **peminjam gagal membayar**

PERANAN BIRO KREDIT

Biro Kredit di Malaysia telah ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958. Biro ini diuruskan oleh Bank Negara Malaysia dan mula beroperasi sejak 1982. Biro Kredit mengumpul maklumat kredit mengenai para peminjam daripada institusi-institusi kewangan dan kemudiannya menawarkan maklumat kredit yang dikutip ini balik kepada institusi-institusi kewangan. Biro Kredit adalah dilarang daripada mengutip maklumat mengenai para pendeposit.

Maklumat yang terkandung di Biro Kredit boleh membantu institusi kewangan untuk membuat keputusan pemberian pinjaman berasaskan maklumat lengkap dalam masa yang lebih tepat.

APAKAH JENIS MAKLUMAT TENTANG DIRI ANDA YANG DISIMPAN OLEH BIRO KREDIT?

Biro Kredit menyimpan maklumat yang bersifat fakta mengenai para peminjam yang sebahagian besarnya diperolehi daripada institusi-institusi kewangan.

Seandainya anda meminjam wang daripada institusi kewangan atau memegang kad kredit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan, maklumat mengenai diri anda dan pinjaman anda seperti berikut akan disimpan oleh Biro Kredit:

- Butir-butir peribadi seperti nama, nombor kad pengenalan dan alamat
- Butir-butir terperinci tentang akaun kredit anda seperti jenis kemudahan kredit, had kredit, baki belum jelas, pengendalian akaun dan status tindakan undang-undang (jika ada)

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN SISTEM MAKLUMAT RUJUKAN KREDIT PUSAT (CCRIS)?

Maklumat kredit yang dikumpulkan oleh Biro Kredit semuanya disimpan dalam satu sistem pangkalan data berkomputer yang dikenali sebagai CCRIS. CCRIS memproses dan menyusun semula maklumat kredit dalam bentuk laporan kredit yang tersedia untuk dibekalkan kepada anda atau institusi-institusi kewangan jika diminta.

JENIS-JENIS LAPORAN KREDIT

Jenis laporan-laporan kredit yang boleh diperolehi dari Biro Kredit adalah seperti berikut:

Nama Laporan	Penerangan Kandungan Laporan
Ringkasan Laporan Kredit	Maklumat mengenai jumlah pendedahan kredit seseorang peminjam.
Laporan Kredit Terperinci	Maklumat mengenai kedudukan belum jelas sesuatu kemudahan kredit dan permohonan kredit baru seseorang peminjam.
Laporan Kenderaan Bermotor	Maklumat kenderaan bermotor yang digunakan sebagai cagaran untuk kemudahan kredit.
Laporan Maklumat Tambahan Pelanggan	Maklumat mengenai alamat-alamat, nombor-nombor telefon, nama-nama majikan dan pekerjaan-pekerjaan seseorang pelanggan untuk tempoh tiga tahun yang lepas.

Maklumat yang terkandung di dalam laporan kredit secara keseluruhan bersifat fakta dan berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada institusi-institusi kewangan.

Biro Kredit tidak akan memberi pendapat tentang maklumat yang terkandung di dalam laporan kredit.

Biro Kredit
memandang
serius aspek
kerahsiaan
maklumat
peminjam

PERIHAL KERAHSIAAN MAKLUMAT

Biro Kredit memandang serius aspek kerahsiaan maklumat peminjam. Untuk menjamin kerahsiaan maklumat ini, undang-undang telah menetapkan siapa yang boleh mengakses maklumat sedemikian dan memperuntukkan hukuman yang berat sekiranya berlaku pelanggaran.

Biro Kredit hanya boleh membekalkan laporan kredit anda kepada institusi kewangan di mana permohonan pinjaman anda dibuat atau di mana anda sudah mendapat pinjaman. Maklumat ini hanya boleh digunakan bagi tujuan penilaian permohonan kredit atau menyemak semula status kredit anda. Maklumat kredit yang diperuntukkan oleh Biro Kredit kepada institusi-institusi kewangan adalah dikelaskan sebagai sulit dan dengan itu, institusi-institusi kewangan adalah dikehendaki mematuhi peruntukan kerahsiaan perbankan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan Akta Perbankan Islam 1983. Undang-

undang ini melarang institusi-institusi kewangan daripada mendedahkan hal-ehwal pelanggan mereka kecuali dalam keadaan yang dibenarkan oleh undang-undang, seperti sepanjang prosiding mahkamah di antara pelanggan dan institusi kewangan ataupun apabila pendedahan telah dibenarkan di bawah undang-undang Persekutuan kepada pihak polis.


MENDAPATKAN LAPORAN KREDIT

Undang-undang memang membenarkan Biro Kredit membekalkan laporan kredit tentang diri anda kepada anda. Sekiranya anda memerlukan sesalinan laporan kredit tentang diri anda, sila ikuti langkah-langkah di bawah:

- Dapatkan Borang Permohonan Laporan Kredit (CRR):
 - Borang ini boleh dipindah cetak daripada laman web Biro Kredit di alamat creditbureau.bnm.gov.my atau diambil terus daripada Biro Kredit dengan datang sendiri atau secara pos

- Serahkan Borang CRR yang telah siap diisi kepada Biro Kredit:
 - Borang ini boleh dihantar melalui pos, faksimili ataupun serahan tangan
 - Borang ini mesti dihantar bersama-sama dengan satu salinan kad pengenalan anda atau pasport (sekiranya anda bukan rakyat Malaysia) dan dua dokumen lain seperti lesen memandu, bil utiliti dan sebagainya untuk tujuan pengenalan diri

Apabila Borang CRR anda telah diterima, Biro Kredit akan mendapatkan laporan kredit tersebut daripada CCRIS dan menyerahkan kepada anda sama ada melalui cawangan Bank Negara Malaysia ataupun cawangan institusi kewangan. Proses ini biasanya mengambil masa kira-kira satu bulan dari tarikh penerimaan permohonan anda untuk mendapatkan sesalinan laporan kredit anda. Anda juga boleh datang sendiri untuk mengambil laporan kredit anda di pejabat Biro Kredit.





MENGESAHKAN MAKLUMAT PADA LAPORAN KREDIT

Sekiranya anda telah memperolehi sesalinan laporan kredit sendiri dan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa maklumat di dalam laporan kredit itu adalah kurang tepat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada Biro Kredit dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- Dapatkan Borang Permohonan Penyemakan Data (RDR)
 - Borang ini boleh dipindah cetak daripada laman web Biro Kredit di alamat creditbureau.bnm.gov.my atau boleh mendapatkannya terus daripada Biro Kredit dengan datang sendiri atau secara pos
- Lengkapkan Borang RDR dengan mengenal pasti secara jelas setiap butiran yang dipertikaikan di dalam laporan kredit. Berikan fakta dan jelaskan kenapa anda mempertikaikan maklumat tersebut

- Serahkan Borang RDR yang siap diisi bersama-sama dengan sesalinan laporan kredit yang dipertikaikan dan salinan dokumen-dokumen yang dapat menyokong kedudukan anda kepada Biro Kredit. Ianya boleh dihantar melalui pos, faksimili ataupun serahan tangan

Biro Kredit akan menyiasat dan memaklumkan institusi kewangan yang telah memberi maklumat yang dipertikaikan itu bersama-sama dengan maklumat yang telah dikemukakan oleh anda. Sekiranya institusi kewangan mendapati maklumat yang dipertikaikan tersebut adalah tidak tepat atau tidak lengkap, ia hendaklah membuat pembetulan dengan serta-merta dengan Biro Kredit. Proses penyiasatan dan pembetulan ini akan mengambil masa kira-kira sebulan. Jika perlu, Biro Kredit akan memaklumkan institusi-institusi kewangan yang pernah mengakses



Maklumat yang **tidak tepat** atau **tidak lengkap**

hendaklah dirujuk kepada Biro Kredit dengan serta-merta

laporan-laporan kredit anda dalam tempoh tiga bulan terdahulu mengenai perubahan yang nyata atau dianggap penting di dalam laporan-laporan kredit anda. Hasil siasatan tersebut akan juga dimaklumkan kepada anda.

SOALAN YANG SERING DITANYA

Apakah yang dimaksudkan dengan Biro Kredit?

Biro Kredit ialah unit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia di bawah peruntukan Akta Bank Negara Malaysia 1958.

Apakah fungsi Biro Kredit?

Biro Kredit mengumpul maklumat kredit para peminjam dan membekalkan maklumat tersebut kepada pemberi pinjaman. Ia adalah satu daripada sumber-sumber maklumat yang digunakan oleh pemberi pinjaman untuk membantu mereka mengetahui sejarah kredit bakal peminjam atau peminjam yang sedia ada.

Mengapakah Bank Negara Malaysia menubuhkan Biro Kredit?

Salah satu daripada fungsi Bank Negara Malaysia adalah mengawal selia institusi-institusi kewangan supaya sistem kewangan negara sentiasa berada di dalam keadaan kukuh dan stabil. Oleh itu, Bank Negara Malaysia menggalakkan budaya kredit yang berhemat dan sikap profesionalisme di kalangan institusi-institusi kewangan, termasuk amalan perniagaan yang terbaik di dalam pengurusan risiko kredit. Salah satu cara untuk berbuat demikian adalah dengan menyediakan perkhidmatan biro kredit kepada institusi kewangan supaya mereka dapat membuat keputusan pinjaman yang lebih cepat dan berasaskan maklumat yang lebih lengkap.

Dari manakah Biro Kredit mendapatkan maklumatnya?

Biro Kredit mendapatkan maklumatnya daripada pemberi pinjaman yang terdiri daripada semua bank perdagangan, bank Islam, syarikat kewangan dan bank saudagar berlesen serta beberapa institusi kewangan yang lain. Sila rujuk kepada Lampiran I untuk senarai lengkap institusi kewangan yang menyertai CCRIS.

Adakah aktiviti Biro Kredit dikawal selia?

Biro Kredit dikehendaki beroperasi mengikut batas-batas yang ditetapkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 1958.

Bolehkah saya menghalang Biro Kredit daripada menyimpan maklumat kredit mengenai diri saya?

Tidak. Biro Kredit telah diberi kuasa undang-undang untuk mengumpul maklumat sedemikian.

Jika permohonan kredit saya ditolak oleh pemberi pinjaman, adakah ini bermakna bahawa saya telah disenaraihitamkan?

Tidak. Biro Kredit tidak menyenaraihitamkan sesiapa kerana ianya tidak menyatakan sebarang pendapat mengenai maklumat yang terkandung di dalam laporan kredit. Maklumat mengenai penolakan permohonan kredit tidak akan ditunjukkan di dalam laporan kredit bagi memastikan pemberi pinjaman tidak diprejudiskan oleh keputusan pemberi pinjaman yang lain.

Adakah Bank Negara Malaysia mempengaruhi keputusan kredit institusi-institusi kewangan melalui Biro Kredit?

Tidak. Bank Negara Malaysia tidak pernah dan tidak akan terlibat di dalam sebarang keputusan pinjaman institusi kewangan. Laporan kredit hanya memberikan maklumat yang bersifat fakta sahaja yang dilaporkan kepada Biro Kredit. Biro Kredit tidak memberi sebarang pendapat mengenai kedudukan kredit seseorang. Pemberi pinjaman membuat keputusan mereka sendiri berdasarkan maklumat yang ada pada mereka, termasuk laporan kredit yang disediakan oleh Biro Kredit dan maklumat yang disediakan oleh pelanggan sendiri di dalam dokumen-dokumen permohonan kredit serta dokumen-dokumen sokongan yang lain.

Adakah Biro Kredit menyediakan penarafan kredit terhadap pemohon kredit?

Biro Kredit tidak menyediakan sebarang penarafan kredit atau pendapat mengenai kedudukan kredit mana-mana pemohon kredit.

Jika permohonan kredit saya ditolak oleh sesebuah institusi pemberi pinjaman, adakah pemberi-pemberi pinjaman yang lain akan membuat keputusan yang sama?

Tidak semestinya. Setiap pemberi pinjaman mempunyai dasar pinjaman yang berlainan dan bergantung kepada citarasa risiko masing-masing. Maklumat yang disediakan oleh Biro Kredit hanyalah sebahagian daripada keseluruhan proses keputusan pemberian pinjaman bagi sesebuah institusi kewangan dan pertimbangan yang dibuat oleh setiap institusi kewangan mungkin berbeza.

Apakah jenis maklumat yang dilaporkan oleh institusi-institusi kewangan kepada Biro Kredit?

Institusi-institusi kewangan melaporkan data pengenalan penting terhadap para peminjam mereka (contohnya: nama, nombor kad pengenalan dan alamat) dan menyediakan data-data berkaitan dengan pinjaman-pinjaman yang telah diberikan kepada peminjam-peminjam (contohnya: jenis kemudahan kredit, pengendalian kemudahan dan had kredit).

Apakah jenis-jenis kemudahan kredit yang dilaporkan oleh institusi-institusi kewangan kepada Biro Kredit?

Institusi-institusi kewangan dikehendaki untuk melaporkan semua jenis kemudahan kredit yang diberikan kepada peminjam-peminjam, termasuk kad kredit, overdraf, kemudahan dagangan dan pinjaman perumahan.

Adakah sesebuah institusi kewangan dibenarkan untuk mengakses laporan kredit seseorang yang bukan pelanggannya?

Tidak. Jika seseorang mengakses laporan kredit secara haram, dia boleh dikenakan hukuman di bawah peruntukan undang undang.

Adakah undang-undang membenarkan seseorang untuk memperoleh laporan kredit mengenai dirinya sendiri?

Ya. Akta Bank Negara Malaysia 1958 membenarkan Biro Kredit untuk mendedahkan maklumat kredit mengenai seseorang kepada dirinya sendiri bagi tujuan pengesahan ketepatan maklumat yang dilaporkan kepada Biro Kredit.

Saya tidak memahami kandungan di dalam laporan kredit saya. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan?

Sekiranya anda memerlukan bantuan mengenai bagaimana untuk membaca laporan kredit, anda bolehlah menghubungi Biro Kredit.

Saya mempunyai seorang kawan yang ingin melihat laporan kreditnya. Bolehkah saya mendapatkan laporan kredit bagi pihaknya?

Tidak. Laporan kredit hanya boleh diberikan kepada orang yang berkenaan sahaja.

Saya akan menjadi penjamin kepada satu pinjaman. Bolehkah saya mendapatkan sesalinan laporan kredit orang yang mana pinjamannya saya jamin/akan jamin?

Tidak. Laporan kredit hanya boleh diberikan kepada orang yang berkenaan sahaja.

Saya adalah seorang peminjam. Bolehkah saya mendapatkan laporan kredit mengenai penjamin saya?

Tidak. Seperti yang disebutkan tadi, laporan kredit hanya boleh diberikan kepada orang yang berkenaan sahaja.

Saya kini mempunyai kad kredit dengan sebuah institusi kewangan. Adakah maklumat mengenai diri saya ini dimasukkan ke dalam CCRIS?

Ya. Maklumat kad kredit turut dilaporkan di dalam CCRIS.

Saya mempunyai akaun semasa dengan institusi kewangan, adakah maklumat ini dimasukkan ke dalam CCRIS?

Institusi-institusi kewangan tidak dikehendaki dan tidak seharusnya melaporkan sebarang maklumat mengenai akaun semasa ke dalam CCRIS. Walau bagaimanapun, jika anda mempunyai kemudahan overdraf yang beroperasi dengan berasaskan kepada akaun semasa terbabit, maka maklumat kemudahan overdraf tersebut akan dilaporkan di dalam CCRIS.

Permohonan pinjaman saya telah ditolak disebabkan oleh rekod kredit saya yang kurang memuaskan dan hal ini telah dilaporkan di dalam CCRIS. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh saya untuk memperbaiki kedudukan kredit saya?

Rekod kredit yang kurang memuaskan mungkin berpunca daripada hutang yang belum dijelaskan di institusi kewangan apabila anda gagal membayar balik ataupun tidak membayar balik mengikut jadual. Anda sepatutnya membincangkan perkara ini dengan institusi kewangan berkenaan dan merumuskan satu skim pembayaran semula dengan institusi kewangan terbabit. Selepas akaun anda dikemaskinikan, barulah rekod kredit anda akan menunjukkan keadaan yang lebih baik.

PERTANYAAN

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila ajukan pertanyaan anda kepada Biro Kredit melalui telefon, faksimili, surat atau e-mel:

Nombor Telefon: 03-2692 9849

Faksimili dan surat perlu dialamatkan kepada:

Ketua

Jabatan Perkhidmatan Statistik

Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

(U.P.: Biro Kredit)

Nombor Faksimili: 03-2697 0596

03-2698 5378

E-mel perlu dihantar ke: ccbhdesk@bnm.gov.my

Untuk maklumat lanjut dan terkini mengenai aktiviti-aktiviti Biro Kredit, sila layari laman web Biro Kredit di creditbureau.bnm.gov.my

GLOSARI

Biro Kredit

'Biro Kredit' yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia menurut Seksyen 30(1)(mmm) Akta Bank Negara Malaysia 1958.

CCRIS

Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, iaitu satu sistem pangkalan data berkomputer yang ditubuhkan dan dikendalikan oleh Biro Kredit untuk mengutip, memproses, menyimpan dan menghasilkan maklumat kredit.

Laporan Kredit

Satu laporan yang dihasilkan oleh CCRIS yang mengandungi maklumat kredit.

Maklumat Kredit

Data atau maklumat mengenai seseorang peminjam, termasuk data atau maklumat mengenai mana-mana kemudahan kredit yang diberi oleh mana-mana institusi kewangan kepada pelanggan.

Pelanggan

Sesiapa yang telah diberi sesuatu kemudahan kredit oleh sesebuah institusi kewangan, atau yang telah membuat permohonan kredit baru dengan sesebuah institusi kewangan.

Permohonan Kredit

Satu permohonan kepada sesebuah institusi kewangan untuk kemudahan kredit oleh seseorang pelanggan.

LAMPIRAN I

Senarai Institusi Kewangan yang Menyertai CCRIS (setakat 31 Disember 2002)

Bank-bank Perdagangan

- ABN AMRO Bank Berhad
- Affin Bank Berhad
- Alliance Bank Malaysia Berhad
- AmBank Berhad
- Bangkok Bank Berhad
- Bank of America Malaysia Berhad
- Bank of China (Malaysia) Berhad
- Bank of Tokyo-Mitsubishi (Malaysia) Berhad
- Bank Utama (Malaysia) Berhad
- Bumiputra-Commerce Bank Berhad
- Citibank Berhad
- Deutsche Bank (Malaysia) Berhad
- EON Bank Berhad
- Hong Leong Bank Berhad
- HSBC Bank Malaysia Berhad
- J.P. Morgan Chase Bank Berhad
- Malayan Banking Berhad
- OCBC Bank (Malaysia) Berhad
- Public Bank Berhad
- RHB Bank Berhad
- Southern Bank Berhad
- Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
- The Bank of Nova Scotia Berhad
- United Overseas Bank (Malaysia) Berhad

Bank-bank Islam

- Bank Islam Malaysia Berhad
- Bank Muamalat Malaysia Berhad

Syarikat-syarikat Kewangan

- Affin-ACF Finance Berhad
- Alliance Finance Berhad
- AmFinance Berhad
- Bumiputra-Commerce Finance Berhad
- EON Finance Berhad

- Hong Leong Finance Berhad
- Mayban Finance Berhad
- Public Finance Berhad
- RHB Delta Finance Berhad
- Southern Finance Berhad

Bank-bank Saudagar

- Affin Merchant Bank Berhad
- Alliance Merchant Bank Berhad
- AmMerchant Bank Berhad
- Aseambankers Malaysia Berhad
- Commerce International Merchant Bankers Berhad
- Malaysian International Merchant Bankers Berhad
- Public Merchant Bankers Berhad
- RHB Sakura Merchant Bankers Berhad
- Southern Investment Bank Berhad
- Utama Merchant Bank Berhad

Lain-lain Institusi Kewangan

- Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad
- Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Berhad
- Bank Pembangunan Sabah Berhad
- Borneo Development Corporation (Sabah) Berhad
- Borneo Development Corporation (Sarawak) Berhad
- Pengurusan Danaharta Nasional Berhad
- Export-Import Bank Malaysia Berhad
- Malaysian Industrial Development Finance Berhad



UNTUK MAKLUMAT LANJUT

SILA LAYARI

www.bankinginfo.com.my

ATAU LAWATILAH KIOS KAMI DI BANK TERTENTU

